



## قِبَلْتَ دَائِرَةِ دَانْ تَانَهِ اِيْفُوْه

PEJABAT DAERAH DAN TANAH IPOH  
LORONG PASAR, GUGUSAN MANJOI  
30020 IPOH,  
PERAK DARUL RIDZUAN.

No. Telefon : 05-5275875  
No. Fax : 05-5275706  
Laman Sesawang : <https://pdtipoh.perak.gov.my>

Ruj. Tuan : 650010998230  
Ruj. Kami : PTPK/12/A/PPJ/2023/25  
Tarikh : 16 April 2024



### PENGURUS

LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM  
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN NO. 9 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 2 PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

62592 PUTRAJAYA

### WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

ABDUL RAHMAN B. MD. NUR  
NO. 61132 JALAN KLEDANG  
KAMPUNG TENKU HUSSEIN BARU  
30020 IPOH  
**PERAK**

Tuan,

### PERINTAH JUALAN KEDUA DI BAWAH SEKSYEN 263, KANUN TANAH NEGARA 1965 (KTN) KE ATAS TANAH NOMBOR HAKMILIK PAJAKAN MUKIM 29927 LOT 61132 MUKIM HULU KINTA, KINTA

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada Perintah Jualan Atas Permintaan Pemegang Gadaian (Borang 16H) bertarikh 14 September 2023 dan lelongan awam di bawah Seksyen 265(2) KTN yang diadakan di pejabat ini pada 21 Mac 2024, jam 10:30 pagi ke atas hartaan seperti yang tersebut di atas.

2. Di dalam jualan tersebut, tiada tawaran yang diterima pada atau melebihi harga rizab yang terendah. Oleh itu, Pentadbir Tanah melalui peruntukan Seksyen 265(2) KTN memerintahkan penjualan secara lelongan awam berikutnya.

3. Penjualan secara kedua bagi hartaan ini akan diadakan pada **hari Khamis, 25 Julai 2024, jam 10:00 pagi bertempat di Perkarangan Lobi Pejabat (Bilik Penyaksian), Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Kecil Ipoh, Lorong Pasar Gugusan Manjoi, Kampung Sungai Tapah, 30020, Ipoh, Perak, dengan harga rizab RM 270,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Tujuh Puluh Ribu Sahaja).**

4. Permohonan untuk menangguhkan jualan atau untuk membatalkan perintah jualan oleh pemegang gadaian dengan persetujuan pengadai hendaklah mematuhi peruntukan Seksyen

**"PERAK SEJAHTERA 2030"**

Ruj. Tuan : 650010998230  
Ruj. Kami : PTPK/12/A/PPJ/2023/25  
Tarikh : 16 April 2024



264A KTN dengan melengkapkan Borang 16O dan hendaklah dikemukakan kepada Pentadbir Tanah, tidak lewat daripada tujuh (7) hari sebelum hari lelongan dengan fi bayaran sebanyak RM100.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Sahaja).

5. Pemegang Gadaian hendaklah mematuhi peruntukan Seksyen 266(A) KTN untuk mendepositkan Borang 16Q kepada Pentadbir Tanah, tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum tarikh lelongan itu. Kegagalan untuk mematuhi peruntukan seksyen 266(A) KTN boleh mengakibatkan penjualan lelongan awam ditangguhkan dan kos pada masa itu ditanggung oleh Pemegang Gadaian.

6. Tuan boleh menghubungi pentadbir tanah untuk urusan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**


Saya yang menjalankan amanah,

( FAUZILA BINTI IBRAHIM )

KETUA PEMBANTU TADBIR

b.p. Pentadbir Tanah  
Pejabat Daerah dan Tanah Ipoh

s.k. PEGUAMBELA DAN PEGUAMCARA  
RAIMY FUAAD AQIS  
NO. 30A (TINGKAT 1 & 2)  
JALAN KAMARUDDIN ISA  
FAIR PARK  
31400 IPOH  
**PERAK**  
(Ruj : RFA/LPPSA/L/9443/19/ZAR)



2/2

**"PERAK SEJAHTERA 2030"**

KANUN TANAH NEGARA

PERISYIHARAN JUALAN

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN  
DALAM PERKARA SEKSYEN 263 KANUN TANAH NEGARA 1965  
RUJUKAN FAIL: PTPK/12/A/PPJ/2023/25 (LELONGAN KEDUA)

Di antara

LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM  
Pemegang Gadaian

Dan

ABDUL RAHMAN B. MD. NUR  
Penggadai

Menurut Perintah Jualan atas permintaan Pemegang Gadaian oleh Pentadbir Tanah Kinta yang diperbuat pada 14 September 2023 dengan ini diisytiharkan bahawa Pentadbir Tanah Kinta

AKAN MENJUAL SECARA

# LELONGAN AWAM

PADA HARI KHAMIS BERTARIKH 25/07/2024 JAM 10:00 PAGI  
DI PERKARANGAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH IPOH

**NOTA:** Bakal-bakal pembida adalah dinasihatkan agar membuat carian rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa harta tanah tersebut sebelum jualan lelong. Bakal-bakal pembida juga digalakkan membuat permohonan atas talian melalui Portal Awam Sistem eTanah di <https://ptg.perak.gov.my/portal/>.

## BUTIR-BUTIR HARTANAH

Jenis dan Nombor Hakmilik	PM 00029927
No. Lot/PT	Lot 61132
Bandar/Pekan/Mukim	Mukim Hulu Kinta
Keluasan Tanah	805 Meter Persegi
Tempoh Pegangan	99
Cukai Tanah	RM178
Kategori	Bangunan
Syarat Nyata	Kediaman - Sebuah Rumah Kediaman
Sekatan Kepentingan	Tanah ini tidak boleh dipindah milik, dipajak, digadai atau dibebankan tanpa kebenaran Menteri Besar Perak.
Kawasan Rizab	Tidak
Nama Penggadai	ABDUL RAHMAN B. MD. NUR
Bebanan	Digadaikan kepada LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM mengikut No. Perserahan 12SC162/1990. Didafarkan pada 21 Februari 1990

Lokasi Tanah

Hartanah ini terletak di alamat NO. 61132, JALAN KLEDANG, KAMPUNG TENGKU HUSSEIN BARU, 30020 IPOH, PERAK

HARGA RIZAB: RM 270,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Tujuh Puluh Ribu Sahaja)

Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

1. Penawar memiliki jumlah wang dalam bentuk bank draf di atas nama **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada jumlah harga Rizab yang ditetapkan iaitu RM 27,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Puluh Tujuh Ribu Sahaja)
2. Amaun penuh harga jualan boleh dibayar oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh Pentadbir Tanah;
3. Di mana amaun penuh harga jualan yang tidak dibayar oleh penawar yang berjaya selepas tukul dijatuhkan oleh Pentadbir Tanah :-
  - i. maka jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (1) akan dilucutkan untuk membayar seluruh wang yang telah genap masa; dan
  - ii. baki deposit seperti tersebut di atas akan dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
4. Baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh **22 November 2024** dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan;
5. Di mana harga belian sepenuhnya tidak dapat diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (4), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (3) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267 Kanun Tanah Negara 1965.
6. Penawar yang ingin mengambil bahagian dalam lelongan ini hendaklah terlebih dahulu mendaftar dan menyerahkan bank draf sebagai bayaran deposit seperti yang dinyatakan dalam para 1 tiga puluh (30) minit sebelum masa lelongan. Mana-mana penawar yang gagal mendaftar dan menyerahkan bank draf tidak layak mengambil bahagian dalam lelongan ini.



A handwritten signature in black ink, appearing to read "J. Am", is placed next to the official stamp.

Bertarikh pada 16 April, 2024

Pentadbir Tanah  
Daerah Kinta  
Negeri Perak Darul Ridzuan